

SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL : 12/1999
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**PERATURAN BAGI MENYEDIAKAN DAN MENGELUARKAN
SURAT KELILING & SURAT PEMBERITAHUAN**


Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam maka adalah dengan ini dimaklumkan bahawa peraturan bagi menyediakan dan mengeluarkan dokumen pemberitahuan dan pemakluman dalam Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam adalah seperti berikut :

A) SURAT KELILING -

1. Pengeluaran Surat-Surat Keliling hanya boleh dibuat oleh Jabatan Perdana Menteri. Bagaimanapun, Kementerian Kewangan adalah juga diberi kuasa untuk mengeluarkan Surat-Surat Keliling bagi perkara-perkara yang ada kaitan dengan hal ehwal kewangan sahaja.
2. Surat-Surat Keliling hanya akan dikeluarkan bagi pemberitahuan kepada orang ramai mengenai dasar serta peraturan umum Kerajaan dan peraturan-peraturan perkhidmatan (service regulations) bagi Perkhidmatan Awam.
3. Surat-Surat Keliling yang dikeluarkan hanya akan ditujukan kepada Setiausaha-Setiausaha Tetap dan Setiausaha Sulit dan Laila Rahsia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Setiausaha-Setiausaha Tetap adalah bertanggungjawab untuk menyampaikan Surat-Surat Keliling yang dikeluarkan kepada Jabatan-Jabatan di bawah Kementerian masing-masing.
4. Sebarang kemuskyilan dan pertanyaan mengenai kandungan Surat-Surat Keliling hendaklah di rujuk kepada pihak-pihak yang bertanggungjawab dalam pelaksanaan dasar dan peraturan berkenaan bagi mendapatkan penjelasan yang tepat mengenainya.

B) SURAT PEMBERITAHUAN -

1. Kementerian-Kementerian/Jabatan-Jabatan boleh membuat pemakluman kepada orang ramai di dalam bentuk Surat Pemberitahuan mengenai dengan isu-isu yang bersifat pentadbiran (administrative) atau perkara-perkara rutin (routine) berkaitan dengan tugas-tugas dan tanggungjawab Kementerian-Kementerian/Jabatan-Jabatan berkenaan semata-mata bagi melicinkan lagi pelaksanaan tugas dan tanggungjawab masing-masing.



2. Surat-Surat Pemberitahuan hendaklah ditujukan kepada semua Setiausaha-Setiausaha Tetap, Setiausaha Sulit dan Laila Rahsia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dan Ketua-Ketua Jabatan.
3. Sebarang kemusykilan dan pertanyaan mengenai kandungan Surat-Surat Pemberitahuan hendaklah dirujuk kepada pengeluar asal Surat-Surat Pemberitahuan berkenaan bagi mendapatkan penjelasan yang tepat mengenainya.
4. Setiap Surat Pemberitahuan yang dikeluarkan hendaklah mengandungi perkara-perkara berikut :
 - Logo Kementerian/Jabatan/Panji-panji Negara Brunei Darussalam bagi yang tidak ada logo sendiri;
 - Bilangan Surat Pemberitahuan;
 - Tajuk dan kandungan;
 - Nama dan tandatangan pihak berkuasa;
 - Rujukan Kementerian/Jabatan;
 - Muka Surat (jika lebih dari 1); dan
 - Lampiran (jika berkenaan).

Surat Keliling ini adalah berkuatkuasa mulai pada tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian sahaja yang dapat dimaklumkan pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

(DATO PADUKA HAJI HAZAIR BIN HAJI ABDULLAH)
Setiausaha Tetap
Jabatan Perdana Menteri
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Jabatan Perdana Menteri
Istana Nurul Iman
Bandar Seri Begawan BA1000
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Rujukan : (12) JPM/SK/1999

Tarikh : 16 Rabiulakhir 1420
29 Julai 1999